



ROZMAN (kanan sekali) bersama Vincent (tengah) dan Lim Kai Kwan ketika menyantuni pesakit terlantar, Lim Sui Tong di kampung Sungai Keling, pagi kelmarin.

## 40 masyarakat Tionghua terima sumbangan sempena Tahun Baru Cina

LABUAN: Seramai 40 masyarakat Tionghua di pulau ini yang kurang berkemampuan termasuk golongan pesakit terlantar dan kronik menerima sumbangan daripada Parti DAP Labuan sempena Sambutan Tahun Baru Cina 2020 yang akan di sambut Sabtu ini.

Majlis penyerahan sumbangan yang melibatkan barangan asas keperluan harian, buah limau mandarin dan duit 'angpow' itu disampaikan oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli ketika menyantuni lima buah rumah penerima sumbangan tersebut di Kampung Sungai Keling, Layang-Layangan dan Kerupang pagi kelmarin.

Turut sama, Timbalan Pengerusi DAP Labuan, Vincent Koh, Timbalan Biro Kebajikan DAP, Victor Kong, Pengerusi MPP Sub Zon I yang juga Timbalan Setiausaha DAP Labuan, Lim Kai Kwan dan Ketua Kampung Sungai

Keling, Ronny Tan Beng Hian.

Terdahulu Rozman ketika ditemui berkata, sumbangan tersebut diharap akan dapat meringankan beban ahli keluarga penerima yang akan menyambut Tahun Baru Cina.

"Saya ucapkan tahniah kepada DAP Labuan kerana pada tahun ini berjaya menganjurkan program menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada masyarakat Tionghua yang kurang mampu dan memerlukan bantuan sempena Sambutan Tahun Baru Cina," katanya.

Beliau berkata, sudah menjadi kelaziman rakyat Malaysia yang hidup dalam keadaan harmoni akan sentiasa tolong-menolong antara satu sama lain untuk menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan bantuan terutamanya ketika menjelang hari perayaan agama sesuatu kaum yang terdapat di negara ini.

**OLEH JAINUDIN DJIMIN**